



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR


NAMA KURSUS : PENGURUSAN PROJEK
KOD KURSUS : DSB3173
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAH KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (50 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN




BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.
Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

1. Lengkapkan carta di bawah.



2. Lengkapkan **dua(2)** kemahiran asas yang perlu ada pada seorang pengurus.



3. Kelaskan ciri-ciri berikut mengikut kesesuaian jenis tender :

- Digunakan untuk projek kerajaan.
- Membuka peluang kepada semua.
- Terbuka kepada kontraktor tertentu sahaja.
- Sesuai untuk kerja-kerja khas yang memerlukan kemahiran tertentu.
- Klien mungkin tidak mendapat harga paling rendah.
- Kurang sesuai untuk projek yang perlu disiapkan segera
- Membazirkan masa dan wang untuk menyediakan dokumen tender.
- Kontraktor berkemungkinan mengurangkan kualiti kerja.
- Klien mungkin tidak mendapat harga yang rendah.
- Terdapat pakatan harga dalam kalangan kontraktor.
- Kurang risiko kegagalan.
- Tiada pakatan harga.

TENDER TERBUKA	TENDER TERPILIH
a)	a)
b)	b)
c)	c)
d)	d)
e)	e)
f)	f)

(12 markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM(6)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Buku Jawapan.

1. Senaraikan **empat(4)** jenis kontrak binaan yang kebiasaannya diamalkan di Malaysia.
(4 markah)
2. Nyatakan **enam(6)** kegunaan spesifikasi teknikal di dalam butiran dokumen kontrak.
(6 markah)
3. Bezakan antara perancangan dan penjadualan di dalam pengurusan projek.
(4 markah)
4. Jelaskan **enam(6)** sebab utama sesebuah projek itu dianggap gagal.
(6 markah)
5. Nyatakan **empat(4)** faktor yang menyumbang kepada kos tidak tepat dalam perbelanjaan projek pembinaan.
(4 markah)
6. Bincangkan **tiga(3)** isu atau kelemahan yang timbul di peringkat pembinaan.
(6 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan.
Jawab SEMUA soalan dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

KOD	AKTIVITI	TEMPOH MASA (minggu)	<i>IPA, Sebaik Sebelum Aktiviti (Immediately Preceding Activity)</i>
A	Pengorekan lubang asas	3	-
B	Pembinaan asas	4	A
C	Pembinaan kerangka	6	B
D	Lantai dan dinding	5	B
E	Bumbung	3	C,D
F	Kerja luar	4	E

Jadual 1

- a) Berpandukan Jadual 1 di atas, binakan Carta Gantt yang sesuai untuk pemantauan proses kerja pembinaan.
(12 markah)
- b) Berdasarkan Jadual 1 di atas, lakarkan Rajah Jaringan yang menunjukkan Kaedah Laluan Kritikal /CPM (*Critical Path Method*).
(16 markah)
- c) Nyatakan laluan kritikal dan tempoh apungan bagi aktiviti pembinaan di atas.
(4 markah)

SOALAN 2

Syarikat Maju Bina perlu menyiapkan pembinaan 4 buah asas pad dalam tempoh 4 minggu. Kos pembinaan adalah RM 2000 bagi setiap asas. Walau bagaimanapun, sehingga akhir minggu ketiga, Syarikat Maju Bina hanya berjaya menyiapkan 2 buah asas sahaja dan telah mengeluarkan kos sebanyak RM 5000.

- a) Binakan lengkok S/ S-Curve bagi kerja pembinaan asas bangunan oleh Syarikat Maju Bina.

(12 markah)

- b) Hitungkan Varian Jadual/ *Schedule Variance (SV)* dan Varian Kos/ *Cost Variance (CV)* bagi kerja yang telah dilakukan oleh Syarikat Maju Bina.

(6 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

O

O